



LIM bersama Soang menunjukkan sebahagian daripada kucing kesayangannya.

'JANGAN BIAR MATI...'

■ Warga emas uzur rayu bantu jaga 42 kucing peliharaan

Ipoh

"Tolonglah bantu saya, jangan biarkan mereka mati." Rayu seorang wanita warga emas kepada peminat kucing untuk membantunya memelihara 42 ekor kucing kesayangannya.

Helen Lim Li Keng, 73, membuat keputusan itu kerana dia bimbang semua kucing itu terbiar berikutan dia semakin uzur dan kini tinggal sebatang kara.

Menurutnya, dia berkongsi minat dengan suaminya sejak 20 tahun lalu dan membela lebih 100 ekor kucing di dalam kediaman mereka di Flat National Garden, Jalan Sultan Nazrin Shah, di sini.

Bagaimanapun, katanya, selepas suaminya meninggal dunia minggu lalu, dia berasa susah hati dan bimbang dengan nasib kucing peliharaannya itu.

"Sebelum pergi, suami ada pesan jangan biarkan mereka semua mati.

"Saya sangat sayangkan mereka dan berat hati mahu serah pada sesiapa, tetapi saya tiada pilihan kerana sa-

"Saya sangat sayangkan mereka dan berat hati mahu serah pada sesiapa, tetapi saya tiada pilihan kerana saya sudah tua"

Lim

ya sudah tua, paling penting mereka perlu dapat penjagaan yang lebih baik dan kehidupan lebih selesa," katanya sambil menangis tidak mampu menahan sebak ketika ditemui di kediamannya di sini, semalam.

Katanya, dia dan mendiang suaminya sebelum ini mula membela 50 ekor kucing jalanan dan semakin bertambah sehingga mencecah 100 ekor.

"Kami kasihan melihat kucing selalu kena langgar dan ada yang cedera didera dicucuh dengan puntung rokok oleh mereka yang tidak berperikemanusiaan. Jadi kami bawa mereka balik ke rumah kami untuk dijaga," katanya.

Lim berkata, kucing paling tua yang dipelihara ber-

usia 18 tahun dan jumlah kucing bertambah sebelum semakin menyusut kerana ada yang sudah mati.

"Saya tidak menghidap sebarang penyakit sepanjang membela kucing ini," katanya.

Menurutnya, dia sendiri menghubungi pihak Pencegahan Kekejaman Ke Atas Haiwan Ipoh (ISPCA) dua hari lalu untuk menyatakan hasrat untuk mencari penjaga baru kucingnya itu.

Sementara itu, Presiden ISPCA Soong Wai Chiew berkata, pihaknya akan membantu Lim menyelesaikan masalahnya itu.

Katanya, buat sementara waktu, kucing berkenaan masih dijaga Lim sehingga Ogos ini sehingga beberapa proses selesai.

"Kami akan cuba membantunya mempromosi kucingnya di PHL Convention Centre di Menglembu pada 13 dan 14 Ogos nanti.

"Kepada sesiapa yang mahu membantu, sila hubungi pihak ISPCA melalui laman media sosial Facebook kami atau wakil kami di talian 019-5532655," katanya.